

27 DEC 2000

Raya-Rangkuman

UMAT ISLAM MENYAMBUT HARI RAYA BERMAAF-MAAFAN

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Hari Raya dengan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan sesama mereka sebagaimana yang diseru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusan Hari Raya yang disiarkan melalui radio dan televisyen semalam, Dr Mahathir telah menyeru umat Islam negara ini melupakan perselisihan faham dan permusuhan antara mereka dalam agama dan politik, sekurang-kurangnya buat sehari pada Hari Raya menerusi amalan bersalam-salaman dan bermaaf-maafan sesama mereka.

Suasana demikian dapat dilihat ketika ratusan umat Islam menunaikan solat Aidilfitri bersama Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Aishah serta pemimpin-pemimpin negara termasuk Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Masjid Negara di sini.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah beberapa orang Menteri dan duta asing.

Sambutan Aidilfitri tahun ini unik sedikit kerana umat Islam merayakannya buat kali kedua dalam tahun yang sama dan ia juga selang sehari selepas sambutan Krismas dan empat hari sebelum tibanya tahun 2001.

-- LAGI

ES ES PR

27/12/2000 09-53ST

bah bns

Raya-Rangkuman 2 Kuala Lumpur

UMAT ISLAM MENYAMBUT HARI RAYA BERMAAF-MAAFAN - 2

Bagi pegawai dan kakitangan kerajaan, Hari Raya kali ini disambut penuh gembira berikutan pemberian imbuhan sebanyak RM500 atau setengah bulan gaji. Kebanyakan penghuni kota telah pulang ke kampung halaman masing-masing untuk merayakan Hari Raya bersama sanak saudara.

Seperti biasa, rakyat yang bukan beragama Islam akan melawat rumah terbuka Hari Raya dan antara yang mengadakan rumah terbuka ialah Dr Mahathir di Seri Perdana di Putrajaya dan Abdullah pula di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin bersolat sunat Hari Raya bersama-sama lebih 10,000 jemaah di Masjid Al-Azim. Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin, anggota-anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan adalah antara jemaah di masjid itu.

Selepas bersolat Syed Ahmad dan Mohd Ali bersalam-salaman dengan para jemaah. Syed Ahmad kemudiannya meraikan para tetamu di majlis rumah terbuka di Istana Melaka di Bukit Beruang di sini sementara Mohd Ali pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini.

Di KUCHING, Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud akan mengadakan rumah terbuka bersama-sama di Stadium Dalaman Negeri.

Di bandar-bandar utama lain di negeri itu, suasana sambutan juga dapat dilihat dengan masyarakat bukan Islam mengambil kesempatan mengunjungi rakan-rakan bukan Islam mereka.

-- LAGI  
MYD FLL ES PR

Raya-Rangkuman 3 Kuala Lumpur  
UMAT ISLAM MENYAMBUT HARI RAYA BERMAAF-MAAFAN - 3

Di SHAH ALAM, Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah menunaikan sembahyang Adilfitri bersama lebih 5,000 umat Islam di Masjid Negeri.

Turut menunaikan sembahyang bersama Pemangku Raja itu ialah Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo dan beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan dan orang-orang kenamaan termasuk bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Pemangku Raja itu kemudian berangkat untuk mengadakan majlis rumah terbukanya di Istana Bukit Kayangan mulai pukul 10.30 pagi sementara Menteri Besar pula di kediaman rasminya di Bukit Megawati dari pukul 11 pagi hingga 3 petang.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor serta kerabat diraja yang lain menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri bersama-sama lebih 8,000 umat Islam di Masjid Sultan Abu Bakar.

Ketibaan Sultan Johor bersama-sama anakandanya Tunku Mahkota dan Tunku Bendahara di perkarangan masjid disambut oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Zainalabidin Mohamed Zin, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman serta para anggota Exco Kerajaan Negeri yang beragama Islam.

Selepas sembahyang Hari Raya, Sultan Johor mengadakan Rumah Terbuka di Istana Besar Johor Baharu manakala Tunku Mahkota di Istana Pasir Pelangi. Abdul Ghani pula mengadakan majlis serupa di kediamannya di Saujana.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin hari ini berangkat menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Almuhtafibillah Shah, Ladang.

Baginda yang diiringi kerabat diraja, Exco Kanan Mustafa Ali yang mewakili Menteri Besar serta para pegawai kanan kerajaan menunaikan solat itu pada pukul 8.30 pagi. Menteri Besar, Abdul Hadi Awang pula menunaikan solat sunat Hari Raya di masjid Rusila di Marang.

Selepas menunaikan solat, baginda berkenan mengadakan rumah terbuka di Istana Maziah bermula pukul 10.30 hingga 11.30 pagi dan Hadi pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Rusila selepas mengadap sultan di Istana Badariah.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Muhammadi di sini dan disusuli majlis pertemuan dengan rakyat jelata di Istana Balai Besar berhampiran masjid berkenaan. Baginda turut berangkat menziarahi Makam Diraja Langgar di sini.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pula menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Pulau Melaka dekat sini dan mengadakan rumah terbuka selepas itu.

Di ALOR SETAR, Sultan, Raja Muda dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menyertai kira-kira 500 umat Islam bersembahyang di Masjid Zahir, di sini.

Sultan Kedah mengadakan majlis mengadap untuk kerabat diraja, pegawai kerajaan dan wakil rakyat di Istana Anak Bukit mulai pukul 11.30 pagi ini sementara Syed Razak mengadakan rumah terbuka di kediaman rasmi di Mentalon mulai 11 pagi hingga 4 petang.

Di KANGAR, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan berangkat menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Negeri, Arau.

Baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap para pembesar dan rakyat jelata di Istana Arau yang terletak kira-kira 200 meter dari Masjid Negeri mulai pukul 9.30 pagi hingga 11 pagi.

Antara pembesar yang hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan

Kassim, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Abdul Azib Saad dan beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri.

Di PEKAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid At-Taqwa yang baru dirasmikan baginda baru-baru ini, dekat kampung Peramu di sini.

Turut mengiringi baginda bersembahyang di masjid sama ialah Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Adnan kemudiannya meraikan orang ramai yang berkunjung ke majlis rumah terbuka yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah di Jalan Teluk Sisek, Kuantan bermula pukul 10 pagi sehingga pukul 2.30 petang.

Di SABAH, Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai menunaikan solat Aidilfitri bersama-sama lebih 10,000 jemaah di Masjid Bandar Raya Kota Kinabalu di Likas, dekat sini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Datuk Musa Aman, Datuk Bandar Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu Datuk Abdul Ghani Abdul Rashid, pembantu-pembantu menteri dan pegawai kanan kerajaan adalah antara jemaah di masjid itu.

Sakaran kemudiannya meraikan para tetamu dalam dua peringkat yang didahului orang kenamaan di majlis rumah terbuka di Istana Negeri, di sini sementara Osu pula mengadakan rumah terbuka di Dewan Perdana Maksak, Jalan Istiadat, di Teluk Likas.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan beberapa pegawai kanan kerajaan negeri menunaikan sembahyang di Masjid Negeri pada kira-kira pukul 8.30 pagi bersama lebih 1,000 jemaah.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Jalan Sungai Nipah, Balik Pulau pagi ini.

Di NEGERI SEMBILAN, Yang Dipertuan Besar Tuanku Jaafar dan Tuanku Ampuan Najihah berkenaan menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir Sri Menanti, Kuala Pilah pagi ini.

Selepas solat, baginda bersama Tuanku Ampuan dan kerabat diraja yang lain berkenaan menziarahi Makam Diraja berhampiran masjid berkenaan diikuti dengan Majlis Tahlil.

Baginda berdua kemudiannya berangkat ke Istana Besar, Sri Menanti untuk majlis rumah terbuka di istana itu dari pukul 10.30 pagi sehingga 1 tengah hari.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negeri, Seremban dan kemudiannya mengadakan majlis rumah terbuka di kediaman rasminya di No.4 Jalan Tasik, Seremban mulai pukul 10.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

-- BERNAMA

NT NER RP AT ES PR